

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 4 Mei 2021

Permohonan dibuka untuk Cabaran Impak Inovasi Khazanah bagi membantu meningkatkan perkhidmatan bagi golongan warga emas tempatan pada kadar berpatutan

Pemenang berpeluang menerima geran RM300,000 serta pelaburan daripada Khazanah

Orang ramai dijemput untuk mengemukakan cadangan perniagaan berimpak tinggi di bawah Cabaran Impak Inovasi Khazanah (KIIIC) yang menjurus kepada pertumbuhan dan kemajuan perkhidmatan bagi warga emas pada kadar berpatutan, sekali gus membantu golongan tersebut menjalani hari tua mereka di tempat pilihan masing-masing.

Bertemakan ‘Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Bagi Warga Emas di Malaysia’, cabaran perniagaan tersebut bertujuan mengatasi jurang kelemahan dalam industri berkenaan serta mempersiapkan Malaysia yang kian menuju ke arah status Negara Tua menjelang tahun 2045, apabila kira-kira 15% penduduk negara pada ketika itu dianggarkan berumur 65 tahun ke atas.

KIIIC adalah inisiatif Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) dan merupakan lanjutan daripada mandat pelaburan strategiknya yang turut menyasarkan sektor tumpuan baharu bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan seterusnya meningkatkan daya saing negara untuk mencapai kekayaan jangka panjang secara mampan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata: “Kami melihat KIIIC sebagai platform baharu yang dapat membantu kami mengenal pasti pelaburan strategik baharu yang mempunyai potensi untuk memberi impak ekonomi kepada negara, selain memainkan peranan untuk membantu memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang kian meningkat usia.”

Dengan kerjasama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (“MaGIC”) serta disokong oleh komuniti usahawan global Endeavour, KIIIC berusaha mengenal pasti penyelesaian inovatif, sama ada yang berasaskan teknologi atau sebaliknya, yang menyajikan perkhidmatan penjagaan dan sokongan untuk golongan warga emas yang berpatutan dari segi harga. Para pemenang berpeluang menerima anugerah bentuk geran pembangunan projek yang berjumlah sehingga RM300,000 setiap satu dan seterusnya turut berpeluang menerima pelaburan susulan daripada Khazanah.

“Kami gembira dapat berkolaborasi dan menjalinkan kerjasama dengan Khazanah Nasional untuk menarik penglibatan entiti awam dan swasta serta masyarakat umum untuk mencipta penyelesaian inovatif bagi memenuhi keperluan negara. Menerusi KIIIC, MaGIC dapat menyokong dan memperkenalkan kepada pasaran penyelesaian terbaik dan seterusnya mencapai impak mampan yang mampu menyumbang kepada peningkatan sosial,” kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Amiruddin Abdul Shukor.



KHAZANAH
NASIONAL

Cabaran ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak. Setiap permohonan bagi KIIC akan dinilai dan pemohon yang berjaya akan dipilih untuk turut serta dalam program pemecutan (*accelerator*) oleh MaGIC atau program penambahbaikan (*scale-up*) oleh Khazanah.

Permohonan dalam talian dibuka bermula hari ini sehingga 7 Jun 2021. Pemohon yang disenarai pendek akan menerima jemputan untuk menghadiri *Pitch Day* dan pemenang akan diumumkan pada bulan Julai 2021.

Untuk maklumat lanjut mengenai KIIC, layari www.khazanah.com.my/kiic

TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian Tel +603 2034 0000, atau e-mel raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik. Objektif komersil Khazanah adalah untuk mengembangkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi negara, sementara objektif strategiknya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang disesuaikan dengan risiko, menjana pulangan lestari dan mengintegrasikan pertimbangan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.